

**Pameran Tentang Lawatan Tun Razak ke China
Bernama
Mei 27, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Satu pameran dilancarkan di Kompleks Beli-Belah Bangsar dalam bentuk mural sepanjang 80 kaki memaparkan 200 keping gambar lawatan bersejarah perdana menteri kedua Malaysia Tun Abdul Razak Hussein ke China pada 1974.

Pameran bergambar "Everlasting Friendship-Malaysia and China" itu akan berlangsung selama 13 hari hingga 8 Jun.

Ia dianjurkan oleh Persatuan Persahabatan Malaysia-China dan Canvas Art Sdn Bhd dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Pengarah Urusan Canvas Art Sdn Bhd Robert Lim berkata pameran terdiri daripada mural adalah tentang lawatan Tun Razak selama enam hari ke China pada 1974 apabila Kuala Lumpur dan Beijing menjalin hubungan diplomatik.

"Sebanyak 200 keping gambar telah disusun dengan rapi untuk membentuk mural sepanjang 80 kaki, merakamkan gambar harian lawatan bersejarah Tun Razak. Usaha seperti itu tidak pernah dihasilkan atau dipamerkan kepada umum sebelum ini," kata beliau.

Pameran itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Dr Ong Hong Peng yang mewakili Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Turut hadir ialah pengarah dan setiausaha pertama di Pejabat Kebudayaan di Kedutaan China Gao Wei; dan presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-China Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

Pada acara itu, pesara pegawai polis, Datuk Mohd Nordin Idris menyifatkan lawatan berani Tun Razak telah melakar sejarah baharu kepada kedua-dua pihak kerana banyak memberi manfaat dari segi ekonomi.

Beliau adalah pegawai pengiring Tun Razak semasa lawatan ke China pada 1974 dan berpeluang berjabat tangan dengan bekas Pengerusi Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China, Mao Zedong.

"Saya adalah antara pegawai yang mengiringi Tun Razak dan saya adalah seorang daripada mereka yang masuk ke dalam rumah pengerusi bersama-sama Tun Razak dan berjabat tangan dengan beliau (Mao Zedong).

"Saya sungguh berbangga, tidak semua orang berpeluang bertemu dengan pengerusi ketika

itu," kata dan berharap hubungan Malaysia-China dapat ditingkatkan lagi yang dapat memberi manfaat ekonomi dan sosial berkekalan bagi kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041920>